

KENYATAAN TAWARAN

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di bawah.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut:

KOD SEBUT HARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (WAJIB)	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
CAAM/HQ/400-10/2/5	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN HANGAR CAAM, BAHAGIAN KALIBRASI PENERBANGAN, SUBANG, SELANGOR	220801 [Perkhidmatan - Pertahanan Dan Keselamatan Kawalan Keselamatan]	Tarikh: 6 April 2018 (Jumaat) Masa: 10.30 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Bahagian Kalibrasi Penerbangan, Hangar CAAM Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah 47200 Subang, Selangor	13 April 2018 (Jumaat) Sebelum atau pada Jam 12.00 tengahari di Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, Blok Podium A, Presint 4, 62618 Putrajaya

3. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Selaras dengan 1PP PK2.1 perenggan 8 (vii)(a)(3)(vi), hanya penama di sijil akaun pendaftaran syarikat MOF sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat ini. Pembekal tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam sijil tersebut. Pembekal dikehendaki membawa sijil pendaftaran syarikat (MOF), cop rasmi syarikat dan kad perniagaan. Kegagalan mengesahkan kehadiran akan menyebabkan penyebut harga tidak layak menyertai sebut harga ini.
4. Borang Sebut Harga (Lampiran Q) hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kod bidang yang ditetapkan.
 - b. Menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti yang ditetapkan.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis bilangan sebut harga serta tajuk sebut harga di bahagian atas sebelah kiri ke alamat seperti di atas.
6. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab tender tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan penghantaran melalui perkhidmatan segera Pos Laju tidak digalakkan.
8. Dokumen sebut harga ini boleh diakses menerusi laman web Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) <http://www.dca.gov.my>.